



05 JUN, 2026

TNB, Petronas Gas bangun RGT-3 di Lumut



Berita Harian, Malaysia

TNB, Petronas Gas bangun RGT-3 di Lumut

Tenaga Nasional Bhd (TNB) menandatangani Perjanjian Prinsip (HoA) dengan Petronas Gas Bhd bagi membangunkan bersama Terminal Regasifikasi Ketiga (RGT-3) di Lumut, Perak.

Perjanjian itu dimeterai menerusi Integrax Bhd, anak syarikat milik tidak langsung penuh TNB di bawah TNB Power Generation Sdn Bhd.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia, TNB berkata, perjanjian berkenaan berfungsi sebagai rangka kerja bagi perbincangan dan rundingan lanjut antara kedua-dua pihak untuk memuktamadkan terma awal

serta penyertaan pelaburan masing-masing dalam usaha sama yang dicadangkan.

Katanya, sebuah syarikat tujuan khas (SPV) akan ditubuhkan selepas pemuatnahan dan pemeteraian perjanjian pemegang saham, sebelum pembangunan terminal regasifikasi itu dilaksanakan secara bersama melalui entiti berkenaan.

TNB berkata, RGT-3 akan dibangunkan berasaskan konsep Unit Penyimpanan dan Regasifikasi Terapung (FSRU), yang membolehkan aktiviti penyimpanan serta regasifikasi gas asli

cecair (LNG) dijalankan di atas kapal.

Katanya, LNG yang melalui proses regasifikasi akan disalurkan menerusi saluran paip penghubung daripada RGT-3 dan kemudahan berlabuh di daratan ke Sistem Penggunaan Gas Semanjung.

"RGT-3 direka dengan kapasiti penyimpanan LNG sebanyak 170,000 meter padu dan kapasiti penghantaran regasifikasi sebanyak 500 juta kaki padu standard sehari. Kapasiti RGT-3 akan disokong oleh TNB Fuel Services Sdn Bhd secara berperingkat," katanya.

TNB berkata, projek berkenaan dijangka memperkukuh jaminan bekalan bahan api, meningkatkan daya saing kos serta menyokong pertumbuhan jangka panjang menerusi pembangunan infrastruktur LNG yang bersepadu.

Selain itu, katanya, pembangunan RGT-3 akan memperkukuh kedudukan strategik kumpulan melangkaui sektor penjanaan elektrik dengan penglibatan lebih luas dalam infrastruktur LNG dan rantaian nilai gas.

Menurut TNB, projek itu juga akan memacu pembangunan

bersama RGT-3 sebagai aset infrastruktur regasifikasi strategik bersama rakan kerjasama yang terlibat.

Dari aspek pembiayaan, TNB berkata pembangunan RGT-3 ketika ini dirancang menggunakan gabungan pembiayaan hutang dan ekuiti.

Bagaimanapun, syarikat utiliti itu menjelaskan pelaburan dalam projek berkenaan yang berpotensi meningkatkan tahap penggearan kumpulan tidak dijangka memberi kesan material terhadap aset bersih sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2026.